

**Penggunaan Telefon Pintar dan Media Sosial dalam Aktiviti Pembelajaran dalam
Kalangan Pelajar Universiti**

Munawwarah Mohd Azmir*
Ahlam Abdul Aziz

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: muna_muffin93@yahoo.com

Pemilikan dan penggunaan telefon pintar dalam kalangan pengguna umum, golongan profesional dan juga para pelajar universiti telah meningkat pada kadar yang pesat dan berterusan. Ciri-ciri dan spesifikasi khusus dalam telefon pintar telah melancarkan aktiviti pembelajaran dalam kalangan penuntut universiti. Tulisan ini akan memberi gambaran tentang aplikasi dan kesan teknologi komunikasi berdasarkan tinjauan susastera yang utama. Dapatan kajian oleh Cheung (2009) menunjukkan telefon pintar telah digunakan untuk merakam isi kuliah, mencari maklumat teras dan mengirim nota kepada rakan sepengajian yang tidak dapat menghadiri kuliah. Selain itu, telefon pintar telah menjadi platform bagi para pelajar menggunakan media sosial yang seterusnya memberi kesan yang signifikan dalam konteks pembelajaran dan prestasi akademik. Rumusan dari kajian oleh Raut & Patil (2016) menunjukkan variasi dalam kegunaan media sosial dalam kalangan pelajar, terutamanya untuk tujuan pembelajaran dan hiburan kerana data yang tersedia adalah mudah diakses dengan pantas. Kesimpulannya, peningkatan dalam penggunaan telefon pintar dan aktifnya kegiatan dalam media sosial telah memberi kesan positif dan negatif kepada para mahasiswa dan juga masyarakat secara umumnya.

Kata Kunci: *Telefon pintar, Pembelajaran, Media sosial, Pendidikan, Mahasiswa, Pelajar Universiti*